

Agenda kesejahteraan Melayu sukar dicapai jika pemimpin bercakaran

- Kemunculan parti baharu bergantung sokongan orang Melayu hanya meluaskan jurang perbezaan berbanding, pejuang kepentingan Melayu
- Kestabilan ekonomi, kesejahteraan orang Melayu perlu dipelihara bagi mengekalkan keamanan negara dihuni pelbagai kaum
- Pemimpin Melayu perlu cari segera formula untuk bermuafakat atas cogan kata 'bersatu kita teguh, bercerai kita roboh'



Oleh Datuk Dr Wan Ahmad Fauzi Wan Husain
bhrencana@bh.com.my

Pengasas
Jurisprudens Watan
dan Profesor Madya
Universiti Malaysia
Pahang (UMP)

Prestasi ekonomi negara mencatatkan pertumbuhan baik pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) seperti ditegaskan Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz menyatakan ekonomi Malaysia berkembang lima peratus pada suku pertama tahun ini kerana disokong peningkatan permintaan dalam dan luar negara serta pemulihan pasaran buruh.

Pelaksanaan Belanjawan 2021 disokong dasar kerajaan konsisten memberikan kesan positif terhadap prestasi ekonomi negara. Dalam tempoh itu, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bulanan berkembang konsisten pada kadar 4.3 peratus pada Januari, Februari (5.2 peratus) dan Mac (5.4 peratus).

Trend pertumbuhan ekonomi dinilai daripada aspek pemulihan pasaran buruh berterusan, keyakinan perniagaan semakin meningkat, perkembangan perdagangan luar dan aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI).

Pasaran modal dan kewangan Malaysia juga dilihat semakin baik. Pembukaan semula sempadan antarabangsa meningkatkan ketibaan pelancong serta merangsang aktiviti perdagangan dan perniagaan, seterusnya memacu pemulihan berganda dalam sektor perkhidmatan.

Namun, Menteri Kewangan mengingatkan keperluan berhati-hati terhadap perkembangan global terkini seperti ketegangan geopolitik mengakibatkan inflasi global berikutan harga komoditi terus meningkat.

Tegasnya, perkembangan global berpotensi untuk menjelaskan momentum pemulihan ekonomi negara memandangkan Malaysia menjadi negara ekonomi terbuka, dengan jumlah perdagangan kira-kira 120 peratus daripada KDNK.

Peningkatan harga komoditi, makanan dan kekurangan tenaga buruh boleh menghadkan potensi pertumbuhan ekonomi. Bukan itu sahaja, pertumbuhan ekonomi tidak begitu dirasakan rakyat yang mudah terkesan dengan kenaikan harga bahan mentah dan keperluan harian.

Pertumbuhan ekonomi pasti mempunyai hubungan dengan tindakan tegas Yang di-Pertuan

Agong selepas pelantikan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sebagai Perdana Menteri pada 21 Ogos tahun lalu.

Titah Seri Paduka untuk diadakan sidang undi kepercayaan di Parlimen yang akhirnya digantikan dengan memorandum persefahaman (MoU) Transformasi dan Kestabilan Politik antara kerajaan dengan Pakatan Harapan (PH) ketika ini berjaya mewujudkan persekitaran tenang buat kerajaan untuk melaksanakan langkah pemulihan ekonomi.

Di samping itu, ancaman pandemik COVID-19 kelihatan sudah terkawal walaupun terdapat virus baharu agak membimbangkan. Pada masa sama, konsep Keluarga Malaysia menggariskan tiga teras utama tidak boleh dinafikan turut memupuk semangat kerjasama dalam usaha pemulihan negara.

Dasar kerajaan menitikberatkan kesejahteraan bersama melalui keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran secara jelas diterjemahkan dalam tindakan berstrategik walaupun berhadapan banyak kekangan semasa.

Jangan sentuh isu sensitif

Tidak dinafikan ada pihak cuba 'menanggung di air keruh' dengan menimbulkan isu menyentuh sensitiviti orang Melayu seperti Islam dan bahasa. Pihak bertopeng sebagai pejuang hak asasi kononnya memperjuangkan tadbir urus baik, tetapi menyebarkan pemikiran bercanggah dengan Perlembagaan.

Mereka berani menyerang secara terbuka sebarang usaha kerajaan untuk mengukuhkan institusi Islam dan pembinaan jati diri negara bangsa melalui pengukuhan kedudukan bahasa

Agenda memelihara kesejahteraan orang Melayu khususnya tidak mungkin berlaku jika pemimpin mereka tidak sekata dalam aspek termaktub dalam Perlembagaan

kebangsaan.

Kumpulan sedemikian sebenarnya mewakili suara minoriti tetapi berasakan diri mereka memiliki hak lebih besar untuk bersuara daripada orang lain.

Terdapat kes hasutan cuba menjatuhkan nama baik institusi Raja-raja Melayu semata-mata untuk melepaskan perasaan kecewa akibat tekanan ekonomi tidak sahaja terkesan kepada kumpulan etnik tertentu atau mungkin atas sebab peribadi.

Peliknya, ada pihak terlebih lantang bersuara tetapi menetap di luar negara. Negara ini tidak menyekat kebebasan bersuara, tetapi pada masa sama tiada siapa bebas secara mutlak untuk berkata sesuka hati tanpa batasan undang-undang dan adab.

Banyak saluran betul boleh dimanfaatkan untuk menyampaikan pandangan, tetapi tidak sekali-kali untuk menghasut.

Dalam pada itu, terdapat kerisauan dilonarkan banyak pihak mewakili suara orang Melayu terhadap pemilih ekuiti dalam pasaran modal, hartanah dan pegangan kepentingan dalam pelbagai perniagaan pasca-PKP.

Kemunculan parti baharu bergantung kepada sokongan orang Melayu dilihat lebih menjurus kepada peluasan jurang perbezaan daripada mewujudkan platform untuk memperjuangkan ekonomi dan kesejahteraan orang Melayu secara bersama.

Implikasi jangka panjang

Setakat hari ini, belum ada data jelas menunjukkan implikasi PKP kepada ekuiti, hartanah dan pegangan kepentingan perniagaan agensi kerajaan dan orang Melayu.

Boleh dikatakan keberuntungan rakyat kepada bantuan kerajaan semakin meningkat lantaran pengumuman demi pengumuman berbentuk dana bantuan perlu dilakukan. Sudah pasti jumlah orang Melayu memerlukan bantuan seumpama itu lebih tinggi berbanding kumpulan etnik lain.

Semua keadaan seperti disebutkan mempunyai implikasi jangka panjang cukup berbahaya. Kaum Bumiputera majoritinya orang Melayu dan Islam mewakili 69.4 peratus daripada 29.8 juta warganegara Malaysia menurut Laporan Penemuan Utama Banci Malaysia 2020.

Kestabilan ekonomi dan rasa kesejahteraan orang Melayu untuk mengamalkan elemen watan tanah air perlu dipelihara kerana Malaysia tidak akan mampu mengekalkan keamanan jika majoriti rakyatnya dipinggirkan.

Agenda memelihara kesejahteraan orang Melayu khususnya tidak mungkin berlaku jika pemimpin mereka tidak sekata dalam aspek termaktub dalam Perlembagaan.

Dalam pada itu, tiada pihak wajar mengeksplotasi isu kepemimpinan orang Melayu untuk merencanakan gerakan untuk meminggirkan agenda Melayu.

Pemimpin orang Melayu perlu mencari segera formula untuk bermuafakat atas cogan kata 'bersatu kita teguh, bercerai kita roboh'. Sehingga kini terbukti kaum lain, tetap sejahtera di bawah kepimpinan orang Melayu.

